**MINIT MESYUARAT**
**PUSTAKAWAN SISTEM MAKLUMAT MALAYSIA (MySyL)**
**BIL 3/2011**

**Tarikh : 17 November 2011**
**Hari : Khamis**
**Masa : 9.00 pagi -5.00 petang**
**Tempat : Meeting Room 8, Undercroft,**
**Chansellor Complex,**
**Universiti Teknologi PETRONAS**

**Yang Hadir:**
Pn. Sarifah Abdullah (UIAM) -Pengerusi
En. Shaifol Yazam Mat (UPM)
Pn. Rizana Mohd Radwan (UiTM)
Pn. Haslina Othman (UTM)
En. Mohd Asmawi Abd Rahman (UMT)
En. Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini (USM)
Pn. Zanaria Saupi Udin (UM)
En. Haslan Tamjehi (UM)
Pn. Sharifah Fahimah Saiyed Yeop (UTP)
En. Mohd Kamal Mohd Yusoff (UniKL)
Cik Zuraidah Darus (UUM)
Pn. Rozana Zakaria (UUM)
En. Shahril Effendi Ibrahim (OUM)
En. Khairul Asyrani Sulaiman (UPSI)
En. Rozman Che Ross (UPSI)
En. Mohd Sabri Muda (UniSZA)
Pn. Rosnorzaini Rusli (UniSZA)
Pn. Wan Irma Wan Hamat (UNITEN)
En. Norkamarizal Kamarudin (MMU)
En. Mohd Shahrul Annuar Alawi (UniMAP)
Pn. Tengku Zemy Azmira Tengku Aziz (UIAM)
Pn. Zaharah Mohamad Nor (UIAM)
En. Muizzudin Kaspol (UPM) -Setiausaha

**Tidak Hadir:**
En. Hazmir Hj. Zainal (UKM)
En. Ahmad Abdul Wafi Abd Karim (UPNM)
En. Muhammad Syafaruddin Mahali (UMS)
Pn. Norlian Mohamed Najib (UTeM)
Pn. Korina Ibrahim (UNIMAS)
En. Amirul Firdaus Zilah (UMK)
En. Suhaimi Mohd Sukor (UTHM)
Pn. Rozana Kamdani (USIM)
Pn. Amelia Hasan (UMP)

| Bil. | Perkara | Tindakan | Tarikh |
|---|---|---|---|
| **MINIT 1.0** | **UCAPAN ALUAN** | | |
| | Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.<br><br>En. Naziri Yusoff (Senior Manager) Universiti Teknologi PETRONAS, Information Resource Center, memberi ucapan aluan serta mengalu-alukan kedatangan Pustakawan / Pegawai Sistem ke Mesyuarat SIG PPS Bil 3/2011. | Makluman | |
| **MINIT 2.0** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MySyL 2/2011** | | |
| | Minit Mesyuarat Bil. 2/2011 diluluskan dengan pindaan berikut:<br>a) Malaysian Information System Librarians (MySyL) ditukar kepada Pustakawan Sistem Maklumat Malaysia (MySyL) | Makluman | |
| **MINIT 3.0** | **PERKARA BERBANGKIT** | | |
| **3.1** | **Laporan Portal MyUniNet, MyTO dan MyULIS**<br><br>**Maklumat Kepakaran Pustakawan**<br>Mesyuarat dimaklumkan carian bidang kepakaran dan pengkhususan pustakawan di Perpustakaan Akademik telah dilakukan melalui internet dan tiada hasil yang dijumpai.<br><br>Mesyuarat telah bersetuju memohon wakil dari UiTM untuk membuat carian dan mengumpul bidang kepakaran dan pengkhususan pustakawan dan perlu dibentangkan pada mesyuarat yang akan datang.<br><br>**Kemaskini Maklumat Direktori Pustakawan**<br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa semua universiti telah mengemaskini maklumat direktori pustakawan universiti masing-masing di Portal MyUniNet.<br><br>**Kemas kini data tesis**<br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa semua universiti telah mengemaskini maklumat tesis, dan ada universiti yang masih belum | UiTM<br><br>Makluman | Februari 2012 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | mengemaskini rekod tesis kerana masih belum mempunyai koleksi tesis Master dan PhD.<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat masalah untuk memuatnaik rekod secara "batch" bagi rekod yang mengandungi unicode seperti Jawi, Tamil dan Cina. | Sekretariat Portal | |
| | Mesyuarat telah bersetuju supaya menambah 3 bidang baru di dalam pangkalan data MyTO dan MyULIS, iaitu:<br>i. Transliterated Title<br>ii. Transliterated Author<br>iii. Translation Title | Sekretariat Portal | |
| | **Susunan Logo Universiti**<br>Mesyuarat bersetuju supaya susunan logo universiti disusun mengikut tahun universiti diwujudkan. | Sekretariat Portal | |
| | **Promosi Portal MyUniNet**<br>Mesyuarat bersetuju untuk mempromosikan portal MyUniNet kepada warga kampus masing-masing melalui kaedah emel, laman web dan Flyer (pamphlet). | Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat | |
| | **Pangkalan data MyULIS**<br>Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa sesi taklimat dan latihan penggunaan pangkalan data MyULIS akan dijalankan di Bengkel MOLEC yang akan diadakan di Universiti Teknikal Malaysia pada 12 dan 13 Disember 2011. | Sekretariat Portal | |
| **3.2** | **Polisi Institutional Repository (IR)**<br>Merujuk kepada minit mesyuarat yang lepas, ahli mesyuarat telah bersetuju untuk mewujudkan polisi Institutional Repository (IR) diperingkat universiti masing-masing dan perlu disemak oleh bahagian perundangan universiti.<br><br>Mesyuarat bersetuju untuk meminta wakil UIAM untuk mendapatkan kepastian berkenaan dengan polisi yang hanya membenarkan 24 mukasurat pertama tesis dipaparkan di IR universiti. | UIAM | |
| | Mesyuarat juga telah dimaklumkan | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | terdapat universiti yang telah mewujudkan polis IR dan universiti berkenaan diminta untuk membentangkan polisi berkenaan di mesyuarat MySyL akan datang. | Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat | |
| **3.3** | **Sistem Aplikasi Inter Library Loan (ILL)**<br>Universiti Multimedia Malaysia (MMU) telah menyambung semula inisiatif untuk membangunkan semula sistem aplikasi Inter Library Loan (ILL) yang akan digunakan oleh setiap perpustakaan dibawah PERPUN.<br><br>Wakil dari MMU telah membentangkan sistem aplikasi ILL yang telah dikemaskini dan setiap ahli mesyuarat diminta untuk membuat penilaian pada sistem aplikasi ini, dan perlu memberi maklumbalas kepada En. Norkamarizal dalam tempoh 1 bulan. Laman web ILL ini boleh diakses di URL http://vlib.mmu.edu.my/iilsadmin | Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat | |
| | Sistem aplikasi ini akan digabungkan bersama Portal MyUniNet yang mengandungi pangkalan data MyTO dan MyULIS. Mesyuarat bersetuju beberapa perubahan perlu dilaksanakan antaranya;<br>a) Memperkemaskan fungsi akaun pengguna dan pemantauan tugas pegawai yang melaksanakan kerja-kerja ILL di universiti masing-masing.<br>b) Memasukkan nama staf sokongan yang melaksanakan ILL di dalam direktori pustakawan di portal MyUniNet. | MMU<br><br>Sekretariat Portal | |
| **3.4** | **Sistem Aplikasi Katalog Induk**<br>Wakil dari Universiti Utara Malaysia (UUM) telah membentangkan satu sistem aplikasi yang telah dibangunkan menggunakan perisian sumber terbuka (Open Source) “VuFind”. Sistem ini berfungsi sebagai Katalog Induk yang mengumpulkan semua rekod bibliografi koleksi perpustakaan setiap universiti yang menjadi ahli PERPUN. Sistem ini juga akan digunapakai di dalam urusan ILL yang akan digabungkan bersama sistem ILL yang telah dibangunkan oleh MMU. Sistem ini boleh diakses dialamat, http://elib.uum.edu.my/find | Makluman | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Mesyuarat bersetuju untuk menghantar sampel data bibliografi di dalam format MARC ISO 2709. Data ini perlu dihantar kepada Cik Zuraidah Darus (UUM) ke alamat emel dzuraidah@uum.edu.my. Mesyuarat juga bersetuju untuk membuat penilaian pada sistem ini dan perlu memberi maklumbalas kepada UUM dalam tempoh 1 bulan. | Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat, UUM | |
| 3.5 | **Pelan Strategik ICT PERPUN**<br>Mesyuarat dimaklumkan satu Pelan Strategik ICT MySyL, PERPUN perlu diwujudkan. Pelan ini perlulah berpandukan kepada Pelan Strategik ICT MAMPU, KPT dan Pusat Komputer universiti masing-masing.<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa telah terdapat universiti yang telah mempunyai Pelan Strategik ICT contohnya UiTM dan UTP. Mesyuarat bersetuju untuk menghantar Pelan Strategik ICT universiti masing-masing kepada setiausaha untuk dikumpulkan dan perlu dibentang pada mesyuarat akan datang | Makluman<br><br>Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat, Setiausaha | |
| **MINIT 4.0** | **HAL-HAL LAIN** | | |
| **4.1** | **Cadangan tarikh Mesyuarat MySyL Bil 1/2012**<br>Mesyuarat telah bersetuju bahawa, Mesyuarat MySyL Bil 1/2012 akan diadakan pada hujung bulan Februari 2012 bertempat di Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI | Makluman, UPSI | |
| **4.2** | **Penangguhan Mesyuarat**<br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.30 tengahari dan disambung pada sebelah petang dengan sesi lawatan ke Perpustakaan, Universiti Teknologi PETRONAS | | |

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang dengan bacaan tasbih kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:



Muizzudin Kaspol
Setiausaha
Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Disahkan oleh:



**CIK SARIFAH ABDULLAH**
Timbalan Ketua Pustakawan
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
*merangkap* Pengerusi MySyL